

11 MAY 1997

Mahathir-Umno (Bergambar)

JAGA UMNO DENGAN SEMANGAT DAN PERPADUAN 1946, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta anggota Umno supaya menjaga parti itu dengan semangat dan perpaduan yang ditunjukkan semasa ia ditubuhkan pada 1946 kerana perjuangan bangsa Melayu belum tamat.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata semangat dan perpaduan yang ditunjukkan oleh anggota parti itu 51 tahun lepas merupakan senjata paling kuat bagi mengatasi apa jua rintangan yang boleh menghalang survival bangsa Melayu pada masa hadapan.

"Sebab itu penting sekali apabila kita merayakan ulangtahun Umno, kita ulangi sejarah kita, kita teliti, kita gunakan sejarah kita sebagai panduan. Kita ingatkan diri kita semula tentang semangat perjuangan satu bangsa yang telah dijajah 400 tahun yang berjaya mengatasi segala rintangan.

"Bangsa yang tidak mempunyai senjata, tidak mempunyai apa-apa kekuatan, hanya satu orang sahaja yang ada BA (Bachelor of Arts), bangsa itu dapat menewaskan bangsa yang baru menang perang dunia, British baru menang perang tapi kita menewaskan mereka hanya dengan menggunakan semangat dan perpaduan," katanya ketika menyampaikan amanat sempena ulangtahun ke-51 penubuhan Umno.

Sambutan yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini dimulakan dengan upacara menaikkan bendera parti diikuti perasmian galeri Umno dan forum "Pengkisahan Sejarah Umno". Malam ini, solat maghrib secara berjemaah dan majlis tahlil pula akan diadakan juga di PWTC.

Dr Mahathir yang menyampaikan amanatnya itu selepas forum "Pengkisahan Sejarah Umno", berkata bahawa pada masa Umno baru memulakan perjuangannya, hanya seorang saja anak Melayu berkelulusan Sarjana Muda (BA) sehingga beliau dipanggil Zainal Abidin BA kerana kelulusannya itu.

"Tapi hari ini kalau kita baling batu, mesti terkena kepala seorang BA," katanya bagi membuktikan betapa semangat dan perjuangan Umno selama ini sudahpun menghasilkan ramai cerdik pandai Melayu dan orang Melayu boleh maju asalkan ada peluang dan kemahuan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata semangat dan perjuangan Umno bagi memastikan orang Melayu "berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah" dengan semua bangsa yang maju di dunia masih belum berubah walaupun parti itu sudah berusia 51 tahun pada hari ini.

Apa yang berubah hanyalah tumpuan perjuangan Umno yang bermula dengan menentang Malayan Union kepada menuntut kemerdekaan, diikuti usaha mengisi kemerdekaan dan kini ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju selaras dengan matlamat Wawasan 2020.

"Perjuangan tidak berubah, tumpuannya sudah berubah. Semangat itu masih kita perlukan. Kita belum lagi selesai perjuangan kita. Banyak lagi yang perlu dibuat sebelum kita boleh kata kita dapat berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa yang maju di dunia," katanya disambut dengan tepukan gemuruh anggota-anggota parti yang termasuk Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Timbalan Presiden Umno dan barisan anggota Majlis Tertinggi parti.

Forum anjuran Pergerakan Pemuda Umno itu membariskan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Encik Johan Jaaffar selaku pengerusi manakala anggota panelnya terdiri daripada bekas Setiausaha Agung Umno Tan Sri Mustapha Jabar, tokoh kewartawanan dan Sasterawan Negara Tan Sri Abdul Samad Ismail dan ahli akademik dari Universiti Malaya Prof Madya Mahadzir Mohd Khir.

Dr Mahathir berkata walaupun semangat dan perjuangan Umno masih belum berubah, ia perlu disesuaikan dengan keadaan semasa.

"Keadaan sudah berubah. Keadaan sebelum kita merdeka, selepas kita merdeka, sekarang ini selepas 51 tahun Umno ditubuh, 40 tahun selepas negara kita merdeka, keadaan sudah berubah.

"Justeru itu kita perlu sesuaikan perjuangan kita dengan keadaan ini. Masalah yang kita hadapi bukan sahaja untuk memajukan bangsa kita tetapi juga untuk menjaga aliran yang menuju ke arah keburukan," katanya.

Dalam hal ini, Dr Mahathir berkata tumpuan Umno sekarang adalah bagi mengatasi masalah sosial seperti rasuah, bohsia dan lepak, yang pada pendapat beliau walaupun belum begitu serius, masih perlu dibendung sebelum merebak lebih meluas.

Dr Mahathir berkata masalah sosial seperti rasuah perlu segera dibendung sebelum ia menjadi amalan yang bukan lagi dilakukan "di bawah meja tetapi sudah boleh dilakukan di atas meja".

Katanya apabila rasuah sudah dilakukan secara terang-terangan sehingga semuanya "bisa diatur" jika ada sogokan, masalah sosial itu sudah pasti akan sukar diatasi.

"Sebagai seorang doktor saya memang tahu. Kalau kaki nampak busuk, potong ke atas sikit, jangan potong kat bawah (kerana) dia belum tentu baik. Saya biasa potong kaki orang. Ini betul-betul bukan joke, itu cara kita ubat," katanya disambut gelak ketawa dan tepukan.

Sebab itu, kata beliau, semasa ia (rasuah) masih kecil, ia perlu diatasi.

"Bila dia dah menyeluruh, bila dah semua bangsa kita sudah mengamalkan budaya korupsi, apabila rasuah tidak lagi dilakukan di bawah meja tetapi sudah naik ke atas meja, diterima sebagai perkara biasa, pada ketika itu susah hendak diubat," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia bernasib baik kerana masalah rasuah belum sampai kepada peringkat sukar diatasi dan sebab itu beliau terpaksa berkali-kali mengingatkan rakyat mengenai perlunya gejala itu dibendung mulai sekarang. -- BERNAMA

TM MAI